



6 Februari 2018
6 February 2018
P.U. (A) 22

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 5) 2018

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF SCHEDULE 5) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 5) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 380 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2018.

Pindaan Jadual 5

2. Jadual 5 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

“1. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—

(a) produk pasaran modal tidak tersenarai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya kepada orang yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 atau Bahagian I Jadual 7; atau

(b) debentur atau sukuk khusus kepada orang di luar Malaysia,

dengan syarat penyediaan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli produk pasaran modal tidak tersenarai itu mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar.”;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperenggan 2(d) dan (e) dan perenggan 17, dengan menggantikan perkataan “assets” dengan perkataan “asset”;
- (c) dalam subperenggan 2(f)—

 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pasaran saham” perkataan “bursa saham”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “yang tergolong” dengan perkataan “yang melibatkan perolehan aset”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “atau” perkataan “cadangan di bawah”;
- (d) dalam perenggan 11—

 - (i) dalam subperenggan (i)—

 - (A) dengan memotong perkataan “sekuriti atau”; dan
 - (B) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “assets” dengan perkataan “asset”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “di bawah perenggan 212(2)(d) atau subseksyen 212(3)” dengan perkataan “yang melibatkan perolehan aset di bawah perenggan 212(2)(d) atau cadangan di bawah subseksyen 212(3)”;
- (e) dengan menggantikan perenggan 13 dengan perenggan yang berikut:

“13. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan, atau penawaran bagi langganan atau pembelian, atau

penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, unit dalam sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan berhubung dengan—

- (a) suatu perolehan aset yang menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham selain suatu amanah perniagaan; atau
 - (b) suatu pelupusan aset yang menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham kecuali dalam hal suatu amanah perniagaan yang pelupusan aset oleh amanah perniagaan itu membentuk sebahagian daripada apa-apa cadangan lain yang menghendaki kelulusan daripada Suruhanjaya.”;
- (f) dengan menggantikan perenggan 14 dengan perenggan yang berikut:
- “14. Berkenaan dengan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham, menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, unit menurut—
- (a) suatu pembahagian kecil unit;
 - (b) suatu terbitan bonus;
 - (c) suatu terbitan hak;
 - (d) suatu penjalanan penempatan secara persendirian;

- (e) suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai;
- (f) suatu perolehan aset yang tidak menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu; atau
- (g) apa-apa aktiviti korporat lain di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali dalam hal suatu amanah perniagaan jika ia membentuk sebahagian daripada cadangan yang melibatkan perolehan aset di bawah perenggan 212 (2)(d).”; dan

- (g) dengan memasukkan selepas perenggan 14 perenggan yang berikut:

“14A. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—

- (a) unit sesuatu skim unit amanah asing atau skim pelaburan ditetapkan asing yang disenaraikan di suatu bursa di luar Malaysia menurut—
 - (i) suatu pembahagian kecil unit;
 - (ii) suatu terbitan bonus;
 - (iii) suatu terbitan hak;
 - (iv) suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai; atau